

**MINIT MESYUARAT BULANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA APARTMENT DAN KEDAI
SEKSYEN 7 LESTARI PERDANA BAGI BULAN MAC 2012**

- TARIKH** : **5 MAC 2012 (KHAMIS)**
- MASA** : **09.30 MALAM – 10.30 MALAM**
- TEMPAT** : **PEJABAT BADAN PENGURUSAN BERSAMA**
- KEHADIRAN** : Encik Mohd Khazimi Bin Ismail (Pengerusi)
Puan Siti Radziah Binti Alip (Setiausaha)
Haji Mohd Noor Bin Jusoh (Bendahari)
Encik Mohamad Bin Ibrahim
Puan Fuziah Hanim Binti Sulaiman
- TIDAK HADIR** : Encik Megat Hishamuddin Bin Megat Othman

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan ucapan terima kasih di atas kehadiran Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersama (JMC) penduduk untuk menjayakan mesyuarat bulanan pada kali ini.

2.0 UCAPAN PEMBUKAAN OLEH PENERUSI

- 2.1 Encik Mohd Khazimi bin Ismail selaku pengerusi memaklumkan bahawa unjuran terimaan bagi setiap blok ada antaranya mencecah 60 peratus dan ada antaranya kurang dari 15 peratus. Pengerusi menegaskan kakitangan pejabat dan ahli JMC perlu lebih proaktif dalam meastikan perkhidmatan kepada penduduk dapat dilaksanakan secara berkesan.
- 2.2 Pengerusi juga memaklumkan bahawa pegawai dari Jabatan Kesihatan Daerah Petaling telah membuat lawatan tapak untuk mewujudkan Klinik ! Malaysia.

3.0 AGENDA MESYUARAT

- 3.1 Berdasarkan rekod kewangan bagi bulan Febuari 2012 sejumlah RM 9088.00 telah diterima yang mana blok K mencatatkan kutipan tertinggi iaitu sebanyak 59.42 peratus (RM 1119.0) dan kutipan terendah diterima dari blok A iaitu sebanyak 15.30 peratus (RM 428.00). Blok yang mencatatkan kedua tertinggi iaitu blok E sebanyak 56.03 peratus. Blok – blok lain mencatatkan kurang dari 50 peratus iaitu Blok B sebanyak 45.12 peratus, Blok G sebanyak 41.50 peratus, Blok D sebanyak 39 peratus, Blok F sebanyak 37 peratus, Blok H sebanyak 35.43 peratus, Blok J sebanyak 35.37 peratus, Blok C sebanyak 33.92 peratus. Walaupun terdapat peningkatan tetapi jumlah yang perlu dibelanjakan khususnya untuk bil elektrik adalah tinggi iaiatu RM 5861.35 bagi bulan Febuari 2012.

Walau bagaimana pun perbelanjaan berhemah perlu dilaksanakan termasuk mengurangkan kos untuk khidmat pembersihan dan pentadbiran.

- 3.2 Jumlah keseluruhan lampu tambahan yang perlu dipasang ialah sebanyak 264 buah dan sehingga kini telah membuat pemasangan enam blok bangunan, baki empat blok lagi akan dibuat pemasangan dan disasarkan siap menjelang pertengahan tahun ini. Sebab utama lambat untuk disiapkan adalah disebabkan sumber kewangan yang sangat terhad. Antara blok yang telah dipasang lampu tambahan ialah blok A, C, D, E, G dan K manakala blok yang belum dibuat pemasangan ialah di Blok B, F, H, dan J
- 3.3 Mesyuarat memutuskan untuk menghebahkan jumlah kutipan setiap bulan dengan menampal data kutipan di setiap blok bangunan supaya semua penduduk tahu kedudukan sebenar kewangan.

4.0 HAL HAL LAIN

- 4.1 Badan Pengurusan bercadang untuk membaiki tong sampah dan pagar yang rosak sekiranya kedudukan kewangan mengizinkan
- 4.5 Mesyuarat ditangguhkan jam 10.30 malam

Disediakan Oleh

Disahkan oleh

Siti Radziah binti Alip

Mohd khazimi Bin Ismail

(Setiausaha)

(Pengerusi)